PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : LAKSAMANA PERTAMA (B) HAJI MOHAMAD IMRAN BIN ABD HAMID

TARIKH : 23 JULAI 2019 (SELASA)

SOALAN NO. 58

Minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan bagaimanakah prestasi MAB sekarang dan sudahkah hidangan arak dihentikan dan keputusan pakaian pramugari yang lebih manis diputuskan untuk pemakaian masa akan datang.

NO. SOALAN : 58

JAWAPAN:

Yang Di-Pertua,

1) Untuk makluman Yang Berhormat, prestasi Malaysia Airlines Berhad (MAB) bagi suku pertama berakhir 31 Mac 2019, telah mencatatkan peningkatan pendapatan sebanyak 2% tahun ke tahun (*year-on-year revenue, y-o-y*) berbanding tempoh yang sama tahun sebelumnya. Peningkatan pendapatan ini adalah susulan daripada peningkatan tempat duduk bagi setiap kilometer (*the available seat kilometre*, ASK) sebanyak 8% bagi perjalanan domestik dan antarabangsa.

2) Bagi suku pertama tahun ini, MAB telah mencatatkan pertambahan jumlah penumpang domestik dan antarabangsa sebanyak 3.38 juta orang berbanding 3.22 juta orang bagi tempoh yang sama tahun lalu. Walau bagaimanapun, faktor muatan (*load factor*) yang dicatatkan oleh MAB bagi suku pertama tahun ini berada pada 75.2% berbanding 75.4% peratus tahun lalu disebabkan oleh pihak MAB telah meningkatkan kapasiti sejajar dengan permintaan pasaran semasa.

3) Selain itu, pihak MAB turut mencatatkan peningkatan terhadap hasil sampingannya hasil daripada inisiatif yang telah dilaksanakan yang membolehkan penumpang memperoleh lebih banyak pilihan dan fleksibiliti. Ini termasuk harga yang kompetitif bagi produk seperti bagasi prabayar, pemilihan tempat duduk dan produk sampingan lain, yang menyaksikan peningkatan pendapatan sampingan sebanyak 23 peratus tahun ke tahun.

4) Pihak MAB turut berjaya mencapai prestasi tepat masa (*on time performance*, OTP) yang sangat baik iaitu 86 peratus berbanding 76 peratus pada tahun sebelumnya berikutan kecekapan operasi keseluruhan yang lebih baik yang meliputi penyusunan semula rangkaian, keupayaan sokongan teknikal serta kelancaran perkhidmatan pengendalian darat.

5) Berhubung dengan cadangan untuk menghentikan hidangan arak dalam penerbangan, MAB sebagai sebuah syarikat penerbangan yang beroperasi ke pelbagai destinasi di seluruh dunia dengan pelbagai lapisan penumpang perlu memenuhi kehendak penumpang khasnya penumpang kelas perniagaan dan kelas pertama yang mana sudah menjadi kelaziman bagi kebanyakan syarikat penerbangan di dunia untuk menyediakan hidangan arak kepada penumpang. Sungguhpun demikian, ini tidak bermakna kerajaan dan MAB menggalakkan penumpangnya untuk mengambil minuman keras. Dalam hubungan ini, mulai 1 Januari 2016, MAB tidak lagi menyediakan hidangan arak untuk penerbangan di bawah 3 jam perjalanan.

6) Seterusnya, berhubung dengan soalan berkaitan pakaian pramugari, pihak MAB memaklumkan bahawa selaras dengan indentiti *Malaysian Hospitality* yang diamalkan oleh mereka, seragam baju kebaya yang dikenakan oleh para pramugari adalah mencerminkan budaya Malaysia yang menonjolkan layanan mesra kepada pada pengguna penerbangan berkenaan. Pemilihan pakaian ini juga turut mengambil kira pematuhan terhadap standard keselamatan antara lain termasuk pengongsian kecemasan (*emergency evacuation*) dalam tempoh masa yang ditetapkan seperti mana yang telah ditetapkan oleh Pihak Berkuasan Penerbangan Awam (CAAM) dan *International Civil Aviation Organization* (ICAO).

7) Dalam hubungan ini, CAAM menetapkan bahawa salah satu keperluan bagi memperolehi siji keselamatan, syarikat penerbangan perlu menyediakan pakaian seragam yang membolehkan pramugara dan pramugari menjalankan tugas-tugas keselamatan dalam tempoh masa yang ditetapkan. Dalam hubungan ini, syarikat-syarikat penerbangan adalah bebas untuk memilih pakaian seragam asalkan mematuhi kriteria seperti berikut:

   (i) pakaian seragam mampu menjalankan tugas semasa pengongsian kecemasan (*emergency evacuation*); dan

(ii) keputusan komersial syarikat penerbangan tersebut berdasarkan kesesuaian dan imej korporat masing-masing.

Sekian, terima kasih.